

OPR mungkin kekal 2026 susulan ekonomi kondusif

Tahun 2026 dijangka menjadi tempoh yang lebih kondusif bagi landskap ekonomi dan perbankan negara selepas mengharungi pelbagai ketidaktentuan serta tekanan kos dana sepanjang 2025.

Menurut laporan penyelidikan terbaharu Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB), kestabilan yang semakin jelas ini dijangka memberikan kelegaan kepada peminjam dan pelabur.

Bank pelaburan itu menjangkakan tiada lagi pemotongan Kadar Dasar Semalaman (OPR) menuju ke tahun 2026.

Menurutnya, pengekalan kadar faedah berkenaan dilihat positif kerana ketiadaan pemotongan lanjut akan membantu menstabilkan margin faedah bersih institusi perbankan yang sebelum ini terjejas akibat persaingan deposit

yang sengit.

Pasukan ekonomi Maybank IB mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 4.5 peratus pada 2026, manakala unjuran bagi 2025 ditingkatkan kepada 4.7 peratus.

"Pertumbuhan ekonomi stabil ini dijangka menyokong pengembangan pinjaman industri sebanyak 5.0 peratus tahun hadapan selari dengan pemulihan aktiviti perniagaan dan sentimen pengguna," katanya.

Seiring prospek yang semakin positif, Maybank IB menaikkan taraf sektor perbankan negara kepada 'positif' daripada 'neutral'.

Semakan itu didorong oleh jangkaan pertumbuhan keuntungan bersih agregat sektor berkenaan sebanyak 5.0 peratus pada 2026 dan 5.5 peratus pada 2027, berbanding

3.6 peratus pada 2025.

Selain kestabilan kadar faedah, keadaan mudah tunai sistem kewangan juga menunjukkan pemulihan dengan tekanan yang semakin berkurangan.

Ini terserlah menerusi kadar KLIBOR tiga bulan yang menyusut, sekali gus memberi ruang kepada bank menguruskan kos dana dengan lebih efisien tanpa menekan margin keuntungan.

Dari sudut kualiti aset, institusi perbankan negara kini berada pada tahap yang kukuh. Jumlah pinjaman terjejas kasar (GIL) mencatatkan penguncupan sebanyak 3.8 peratus tahun ke tahun pada Oktober 2025, menandakan penurunan bagi bulan ke-22 berturut-turut.

Nisbah GIL industri kekal rendah

pada paras 1.39 peratus setakat akhir September 2025, lebih baik berbanding paras prapandemik iaitu 1.51 peratus pada akhir 2019. Kualiti aset yang stabil ini membantu memastikan kos kredit kekal terkawal, manakala kebanyakan bank masih mengekalkan peruntukan tambahan pengurusan sebagai penampan risiko.

Sektor perbankan turut dijangka terus menawarkan pulangan dividen menarik kepada pelabur.

Maybank IB mengunjurkan hasil dividen melebihi 5.0 peratus bagi kebanyakan bank untuk tahun kewangan semasa, kecuali Alliance Bank Malaysia Bhd dan Hong Leong Bank Bhd yang dijangka memberikan pulangan sekitar 4.0 peratus.

CIMB Group Holdings Bhd, AMMB Holdings Bhd dan Alliance Bank Malaysia Bhd terus dipilih sebagai saham utama untuk dibeli. CIMB dijangka mengekalkan hasil dividen melebihi 6.0 peratus disokong pembayaran dividen khas yang berterusan.

Bagi AMMB, tumpuan terhadap pengurusan kos dana dan kekuatan operasi perbankan perniagaan dijangka merangsang pertumbuhan, selain potensi peningkatan pembayaran dividen sehingga 60 peratus.

Alliance Bank pula dijangka mencatat peningkatan momentum pendapatan pada separuh kedua tahun kewangan 2026, dengan unjuran kadar pertumbuhan tahunan kompaun keuntungan bersih sebanyak 7.0 peratus untuk tempoh tiga tahun.